

# RM3 juta baiki sistem perparitan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memperuntukkan RM3 juta sehingga Disember ini sebagai persediaan jangka pendek untuk menghadapi gelombang kedua fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku Ahad ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, peruntukan itu untuk memperbaiki sistem perparitan di lima negeri yang dijangka terjejas.

“Inisiatif ini akan dilakukan di lima negeri iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis bagi menangani masalah fenomena dunia ini secara berperingkat.

“Perancangan jangka masa panjang, kementerian memperuntukkan RM416 juta untuk membaik pulih sistem perparitan dan tebing di sekitar pesisiran pantai,”

katanya selepas Majlis Perasmian Makmal Ujian Alat Pengesan Utiliti Bawah Tanah dan Pusat Khidmat Pelanggan di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Hamim Samuri dan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Azizan Ahmad.

Antara kawasan yang dijangka terjejas adalah di Kuala Kedah dan Kuala Muda manakala di Selangor pula diramalkan membabitkan daerah Klang, Sabak Bernam,

Kuala Selangor, Sepang dan Kuala Langat.

Terdahulu, Wan Junaidi melancarkan buku Atlas Kebangsaan Malaysia yang memaparkan koleksi peta untuk dijadikan rujukan terkini mengenai

perkembangan perubahan struktur di negara ini.

Mengulas perkara itu, beliau berkata, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sedang

melaksanakan pemetaan utiliti bagi memudahkan mengenal pasti kedudukan struktur pembangunan bawah tanah.

“Pemetaan utiliti adalah seperti kedudukan paip air dan kabel yang berada di bawah tanah. Dari sudut

pembangunan negara, ia amat penting bagi mengelakkan kerugian berlaku supaya kontraktor tidak membinasakan kemudahan yang ada di bawah tanah.

“Kewujudan pemetaan utiliti dapat mengelakkan kerosakan struktur seperti penggunaan jentera jengkaut yang boleh merosakkan paip saluran bawah tanah,” katanya.

Menurut Wan Junaidi, pemetaan utiliti penting dan sebaik ia siap sepenuhnya, undang-undang akan dikuatkuasakan bagi individu yang memusnahkan utiliti bawah tanah.

“Ia penting kerana jika ada yang merosakkan utiliti, negara akan kehilangan kemudahan air, elektrik dan komunikasi serta ia berhubung kait dengan keselamatan,” katanya.



**BAHARIN** Ibrahim mengemas peralatan rumahnya di tempat yang tinggi bagi membuat persediaan menghadapi fenomena air pasang besar kedua.



**ANGGOTA** bomba Sungai Pinang membuat persiapan awal membersihkan persekitaran Dewan Kampung Tok Muda untuk pusat pemindahan mangsa banjir.